

SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan
Komunikasi Korporat Kumpulan
Lembaga Tabung Haji
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur
Tel : 03 2054 2132
Faks : 03 2164 0436

Tabung Haji Contact Centre
Tel : 03 6207 1919
Faks : 03 7728 4959

www.tabunghaji.gov.my

MÖVENPICK HOTEL MENANG DUA ANUGERAH

KUALA LUMPUR, 21 September 2020 – Mövenpick Hotel & Convention Center (MHCC) KLIA, sebuah hotel milik Lembaga Tabung Haji (**TH**), telah menerima **dua pengiktirafan** sebagai harta tanah mesra alam dan juga penginapan mesra muslim.

Kemenangan hotel ikonik ini jelas membuktikan tahap reka bentuknya yang bukan sahaja unik tetapi berdasarkan kelestarian tinggi, serta pencapaian perkhidmatan yang menyerlahkan kedudukan MHCC di dalam industri perhotelan negara.

“MHCC adalah sebuah permata tersembunyi milik **TH**. Kami berharap dua anugerah ini akan membuka mata rakyat Malaysia kepada keunikan seni bina berunsur Islam di negara kita di samping menikmati kemudahan hospitaliti dan perkhidmatan bertaraf lima bintang,” kata Encik Muhammad Fawwaz Aminuddin, Pengurus Besar Pelaburan Strategik **TH**.

Hasil seni bina arkitek terkemuka dunia Hijjas Kasturi, MHCC telah memenangi kategori Platinum dalam pensijilan Pengiktirafan Penginapan Pelancongan Mesra-Muslim (MFAR) oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) melalui Islamic Tourism Centre (ITC) pada 3 September 2020 lalu. Ia juga dinobatkan sebagai Bangunan Komersil Hijau Baharu Terbaik oleh Malaysia Green Buildings Council (MGBC) pada 15 September 2020.

Anugerah Platinum MFAR mengiktiraf MHCC sebagai hotel yang berkonseptan ‘mesra-Muslim’ dengan kelengkapan dan fasiliti patuh syariah selain menjadi tarikan pelancong mesra-Muslim, mempunyai restoran-restoran halal berserta cef-cef yang diiktiraf dan menawarkan maklumat tentang lokasi-lokasi masjid. Selain itu juga, hotel ini turut menawarkan kolam renang berasingan (bagi keluarga dan satu lagi bagi wanita khususnya); kemudahan gimnasium dan spa berasingan; petunjuk arah kiblat yang jelas dan tepat; serta menyediakan bidet, sejadaah dan Al-Quran di setiap bilik penginapannya.

Manakala, penghargaan daripada MGBC pula mengiktiraf bangunan milikan **TH** ini sebagai bangunan perintis ke arah ‘bangunan hijau’ selain menawarkan aspek kelestarian. Sebagai contoh, rekabentuk bangunan hotel yang telah dirancang untuk mendorong penggunaan cahaya siang tersebar ke dalam bangunan. Selain itu juga, laluan pejalan kaki dan Anjung Tinjau yang membenarkan aliran udara semula jadi untuk mengurangkan penggunaan penyaman udara. Di samping itu, pengurusan sisa yang baik seperti mesin kompos digunakan untuk memproses sisa organik seperti sisa makanan kepada baja organik.

Bangunan hotel ini turut mengamalkan amalan hijau dan mengikut kriteria *Green Building Index* bagi mencapai penarafan Perak serta menerapkan elemen *Low Carbon Society* dalam setiap program dan perancangan pembangunan.

Di samping itu, MHCC juga digunakan sejak 2018 sebagai kompleks haji dan stesen berlepas jemaah haji tanah air. Kedudukannya yang berhampiran dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) memberi nilai tambah kepada pengunjung hotel sekali gus meningkatkan lagi faktor kemudahan pengangkutan.

TH amat berbangga dengan pencapaian anugerah yang diraih oleh Mövenpick Hotel & Convention Centre KLIA dan berharap agar dengan pengiktirafan ini, bangunan milikan **TH** ini akan terus maju dan berusaha untuk mencapai tahap yang lebih cemerlang demi kemajuan industri pelancongan Malaysia.

-Tamat-

LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai lebih 9 juta pendeposit dan 125 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Affan Aimaduddin Azami Eksekutif Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara TH Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
---	---